# Wajibkah Jumaat Pada Hari Raya?

Disiarkan pada Nov 26, 2009

**Soalan:** "Apakah benar jika hari raya berlaku pada Hari Jumaat maka sesiapa yang menunaikan Solat Hariraya tidak wajib lagi untuk dia menunaikan Solat Jumaat?

**Jawapan Dr Mohd Asri Zainul Abidin:**
Para fuqaha (sarjana Fekah) berbeza pendapat dalam hal ini. Di kalangan ulama, terutama dalam Mazhab Hanbali menyatakan tidak wajib Jumaat untuk makmum yang sudah menghadiri solat Hariraya, kecuali imam. Ini berdasarkan hadis Nabi s.a.w ketika hariraya berlaku pada Hari Jumaat :

قَدِ اجْتَمَعَ فِى يَوْمِكُمْ هَذَا عِيدَانِ فَمَنْ شَاءَ أَجْزَأَهُ مِنَ الْجُمُعَةِ وَإِنَّا مُجَمِّعُونَ

> *"Telah berkumpul pada hari kamu ini dua hariraya, sesiapa yang mahu memadailah baginya solat hariraya bagi solat Jumaat (tidak wajib Jumaat), adapun kami (Nabi s.a.w) akan menunaikan Jumaat" (Riwayat Abu Daud, Ahmad, Ibn Majah. Dinilai sahih oleh al-Hakim dan dipersetujui oleh al-Zahabi. Al-Albani juga menyatakan sahih).*

*Berdasarkan hadis di atas, maka seseorang diberi pilihan sama ada hendak menunaikan solat Jumaat setelah menunaikan Solat Hariraya, atau berpada dengan solat berkenaan. Maka dengan itu dia wajib menunaikan Solat Zohor. Terdapat pendapat di kalangan ulama bahawa Zohor juga tidak wajib disebabkan Nabi s.a.w tidak pun menyebut hal ini dan Hari Jumaat yang diwajibkan adalah Solat Jumaat, maka apabila ia digugurkan tidak perlu mengganti apa-apa. Antara yang berpendapat tidak wajib diganti dengan Zohor ialah al-Imam Syed Sabiq dalam Fiqh al-Sunnah (1/267, Beirut: Dar al-Fikr).*

*Apapun, hadis di atas dan beberapa riwayat yang lain, termasuk amalan pada zaman Umar, Abdullah ibn al-Zubair dan Ibn 'Abbas menyebut perbuatan meninggalkan Jumaat pada hariraya itu* أصابت السنة *"Betul dari segi sunnah" (lihat: Ibn Taimiyyah, al-Fatawa al-Kubra 2/366, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah).*

Cumanya, mereka kebanyakannya berpendapat wajib Zohor. Adapun imam hendaklah menunaikan Jumaat untuk mereka yang hendak menunaikan Jumaat, atau tidak menunaikan Solat Hariraya, maka wajib dia menunaikan Jumaat.

Dengan diakui ada perbezaan pendapat di kalangan sarjana hukum, namun saya cenderung kepada tidak wajib Jumaat bagi makmum yang sudah menunaikan solat Hariraya berdasarkan hadis di atas dan beberapa riwayat yang lain, juga sifat Islam itu sendiri yang meringankan apabila ada ruang kelonggaran. Apatahlagi, maksud perhimpunan kaum muslimin telah tertunai pada hari tersebut, maka perhimpunan solat hariraya sudah dapat memenuhi maksud perhimpunan solat Jumaat.

Kategori: Fatwa, Soal Jawab



**15 comments** Add a comment

January 19, 2014

Cari











**Raniey Blj** · Follow · Works at UMNO

amalan memberi duit ketika solat jenazah... ramai yg bersetuju ia bukan upah..tetapi sedekah...alasan sedekah mgkin kedengaran selekeh dimasa tersebut....apakah penjelasan yang patut saya berikan kepada orang yg sentiasa mempertahankan amalan itu? solat hadiah setelah mayat selesai dikebumikan...ada nas atau dalil? bagi duit lg plak tu!! tlg saya bg penjelasan yg sejelas mgkin....mcm mana nak tanya dr.maza terus ...

Reply · Like · Follow Post · October 19, 2013 at 9:10pm



**Surya Hisyam Jiwa** · Melaka

Assalaamualaikum Dr.. mengenai Korban Berkelompok.. benarkah seekor lembu untuk tujuh bahagian manakala seekor kambing untuk satu bahagian kerana ada hadis yang menunjukkan tiada batasan bahagian dalam ibadah korban ini..


Reply · 4 · Like · Follow Post · October 22, 2012 at 12:25pm



**Anz Tensai** · Top Commenter · President at Kementerian Pendidikan Malaysia

"perhimpunan solat hariraya sudah dapat memenuhi maksud perhimpunan solat Jumaat."


Reply · 2 · Like · Follow Post · October 22, 2012 at 12:57pm



**Rafeey Mohammad** · SRM DUNEARN, SM SANG NILA UTAMA

Assalamualaikum ingin bertanya berkenaan harta pusaka, saya anak tunggal ada ibu tiri dapat 1/8 bahagian, adakah dikira harta sepencarian atau kesemua harta yg ada.Ibu tiri pula meninggal kpd siapa harus saya agihkan harta milik nya boleh kah saya sedekahkan bagi pihaknya.t.kaseh.

Reply · 1 · Like · Follow Post · October 18, 2012 at 3:08pm




**Core Ry Yusoff** · Usim

Sekadar berkongsi dgn tn rafeey,
Oleh kerana si mati meninggalkan seorang isteri dan seorang anak lelaki maka bahagian isteri akan mndpt 1/8 krn simati mmpunyai anak, sekiranya anak lelaki dia dianggap sebagai asobah ( menghabiskan baki setelah saham lain diberi), namun sebelum pembahagian harta mengikut faraid dibuat, keluarga si mati mesti mengambil kira :

1. persiapan pengkebumian
2. hutang piutang
3. w asiat
4. Harta Sepencarian
5. Akhir sekali Harta Pusaka

Definasi Harta sepencarian sebagaimana dalam undang-undang yang berkuatkuasa dimalaysia sekarang (undang-undang Keluarga Islam, sek.2 )ialah "harta sepencarian" ertinya harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahw inan berkuatkuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syara'. Oleh yang demikian ia dianggap harta yang diperolehi dalam tempoh p... See More

Reply · 1 · Like · October 22, 2012 at 1:37pm




**Core Ry Yusoff** · Usim

Pemakaian harta sepencarian adalah melalui sumbangan terhadap harta perkahw inan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Sumbangan secara langsung adalah apabila suami dan isteri sama-sama bekerja atau berusaha bagi mendapatkan pemilikan sesuatu harta atau aset. Manakala sumbangan secara tidak langsung adalah sumbangan dibuat pasangan suami isteri tanpa membabitkan sumbangan yang dapat secara hakiki seperti ketaatan seorang isteri menguruskan rumahtangga dan dorongan seorang isteri yang membolehkan suami berjaya dalam kerjayanya.

Mengenai sumbangan ini Syarak telah mengiktiraf harta yang diperolehi melalui sumbangan dan usaha sama ada dari pihak lelaki mahupun dari pihak perempuan sebagaimana yang disebut di dalam Al-Quran, Firman ALLAH S.W.T dalam surah Al-Nisa' ayat 32, tafsir pimpinan al-Rahman Bahagian Hal Ehw al Islam... See More

Reply · 2 · Like · October 22, 2012 at 1:39pm



**Core Ry Yusoff** · Usim

Di d a l a m kitab Al Um, jilid kesepuluh, cetakan Darul Qutaibah, Beirut, Labenon, cet. 1, 1996, muka 328 pula ada menyebut;

قال الشافعي رحمه الله تعالى إذا اختلف الرجل والمرأة في متاع البيت الذى هما فيه ساكنان وقد افترقا أو لم يفترقا أو ماتا أو مات أحدهما فاختلف ورثتهما أو ورثة أحدهما بعد موته فذلك كله سواء والمتاع إذا كانا ساكنى البيت في أيديهما معا فالظاهر أنه في ايديهما كما تكون الدار في أيديهما أو في يد رجلين فيحلف كل واحد منهما لصاحبه على دعواه فإن حلفا جميعا فالمتاع بينهما نصفان لان الرجل قد يملك متاع النساء بالشراء والميراث وغير ذلك والمرأة قد تملك متاع الرجال بالشراء والميراث وغير ذلك فلما كان هذا ممكنا وكان المتاع في أيديهما لم يجز أن يحكم فيه إلا بهذا لكينونة الشئ في أيديهما وقد استحل على بن أبى طالب رضى الله تعالى عنه فاطمة رضى الله تعالى عنها ببدن من حديد. وهذا من متاع الرجال وقد كانت فاطمة رضى الله
تعالى... See More

Reply · 2 · Like · October 22, 2012 at 1:40pm

View 1 more



**Sofi Zainuddin** · Follow · Kuala Terengganu



## PAUTAN PILIHAN


- ENGLISH SECTION
- HIMPUNAN FATWA DRMAZA
- GALERI PUISI DRMAZA
- MP3 KULIAH
- SIBER KULIAH



## PENGUMUMAN

## GALERI


- Album
- Buku
- Puisi Dr. MAZA
- Puisi Pilihan


## KOMUNITI


- Al-Firqatu An-Naajiah
- Anti Ahbash
- Bank Ahbash
- Institut Al-Qayyim



Sofi Zainuddin · Follow · Kuala Terengganu

syukran ust


Reply · 1 · Like · Follow Post · October 22, 2012 at 12:41pm



**Siti Norina Bt Omar** · Follow · 122 subscribers

Jangan lupa, w ajib solat zohor..jangan terlepas pandang.

Reply · Like · Follow Post · October 22, 2012 at 1:15pm



**Amir Syohib** · Follow · Top Commenter

w ajib ke?

Reply · Like · October 22, 2012 at 6:10pm



**Encik Muhammad Jazry Jaafar** · SMK Taman Melaw ati

Mestilah w ajib. Kerana Zohor adalah solat Fardhu


Reply · Like · October 26, 2012 at 1:59pm



**Rashid Hasan** · Follow

Assalamualaikum Dr. Saya ingin bertanya 1 soalan, adakah terdapat nas dr Al Quran @ hadis yg mengharuskan ibadah qurban dilakukan untuk ahli keluarga yg dah meninggal, @ dengan kata lain bolehkah ibadah qurban dilakukan oleh ahli keluarga yg masih hidup khusus kpd ahli keluarga yg dah meninggal. mohon penjelasan. terima kasih.


Reply · 3 · Like · Follow Post · June 18, 2012 at 4:40pm



**As-Syamil El-Rifdi** · Works at Jabatan Pendaftaran Negara

seingat pengajian saya korban dilakukan utk org yg hidup dan kepada dirinya sendiri.bukan utk org lain lagi2 yg dah meninggal dunia.sekdar menyampaikan maaf diatas kekurangan.

Reply · Like · October 22, 2012 at 2:39pm




**Pusat Pengajian Darul Ilmi** · Follow · Darul ulum

sila rujuk artikel ini http://darulilmi.org/2012/07/15/hukum-korban-untuk-orang-yang-sudah-mati/

Reply · Like · October 22, 2012 at 7:46pm

Facebook social plugin




## MUTIARA KATA

Sabda Rasulullah SAW

"Sesiapa yang akhirat itu tujuan utamanya, maka Allah jadikan kekayaannya dalam jiwanya. Allah mudahkan segala urusannya dan dunia akan datang kepadanya dengan hina (iaitu dalam keadaan dirinya mulia).

Sesiapa yang menjadikan dunia itu tujuan utamanya, maka Allah akan letakkan kefakirannya antara kedua matanya. Allah cerai-beraikan urusannya, dan dunia pula tidak datang kepadanya melainkan dengan apa yang ditakdirkan untuknya (iaitu dalam keadaan hina).

*(Riwayat al-Tirmizi, dinilai hasan oleh al-Albani)*

## KUNJUNGAN

**Since 20 June 2007...**

15116187

Free Web Counter

## KATEGORI

Select Category

## LINK PILIHAN

IslamToday

## SISIPAN

- Arkib Artikel
- Artikel Pilihan
- Email Pilihan
- English Section
- Himpunan Fatwa
- Komentar, Tokoh dan Cendekiawan

## KIRIMAN TERKINI

- Islam: Antara Hakikat Dan Hiasan
- Patutkah Politik Dicampur Agama?
- Jangan Mudah Mengkafir Dan Menerakakan Orang
- Jika Mahu Insan Boleh Berubah...
- Kerajaan di Penghujung Hayat
- Menjawab Fitnah Mufti Kedah
- Hendaklah Akal Mengukur Maklumat
- Islam Membentuk Minda Kritis
- Apabila Zina Lebih Mudah Daripada Kahwin
- Keperluan Fekah Interaksi Dengan Bukan Muslim

## ARKIB

Select Month